

SILAT UNDANGAN ANTARABANGSA



SALAM MESRA: Encik Yatiman Yusof (kiri) berjabat tangan dengan pegawai Malaysia, Abdul Rahman Hassan, dalam upacara pembukaan malam tadi. — Gambar BH oleh HAJI RAWI AHMAD.

Masa depan cerah

26 AUG 1988

Yatiman: Kedudukan silat kian meningkat

Oleh MOHD SANI ALI

PENCAK Silat mempunyai masa depan yang cerah untuk menjadi sejenis sukan yang unik, tetapi popular di peringkat antarabangsa.

Keyakinan ini telah dilahirkan oleh Setiausaha Parlimen (Ehwal Luar), Encik Yatiman Yusof, semasa merasmikan Kejohanan Undangan Pencak Silat Antarabangsa di Dewan Sukan Bedok, malam tadi.

Beliau menegaskan, penerimaan silat sebagai salah satu daripada acara sukan yang popular, telah meningkatkan lagi kedudukannya.

"Oleh itu, saya yakin pencak silat akan menjadi salah satu sukan unik, tetapi popular di peringkat antarabangsa di kalangan penduduk dunia," tegas Encik Yatiman.

Beliau kemudian menekankan, sejak 10 tahun lalu, telah dapat disaksikan bagaimana seni mempertahankan diri ini berkembang menjadi sukan antarabangsa.

Katanya: "Ia bukan saja berkembang di rantau Asia Tenggara, malah di seluruh Eropah, Asia dan Amerika."

"Kehadiran para peserta di sini, yang mewakili negara-negara seluruh dunia merupakan bukti kepada usaha gigih para peminat pesilat."

"Mereka mahu melihat sukan ini berkembang di arena antarabangsa, dengan mengikis imej lama, sempit dan yang berbau perkauman."

Encik Yatiman juga menegaskan bahawa di Republik ini, penerimaan luas seni mempertahankan diri di kalangan masyarakat berbilang bangsa, merupakan satu petanda yang

sungguh sihat.

"Sebagai sukan yang lebih dikenali sebagai kemelayuan, ia bergerak menjadi alat perhubungan berbilang kaum," katanya

"Persekutuan Silat Singapura (Persisi) harus dipuji kerana usaha-usaha gigih menganjurkan kejohanan ini meskipun terdapat kekurangan sebagai sebuah pertubuhan kecil dan serba kekurangan.

Seramai 180 pesilat dari 12 buah negara termasuk dari Eropah yang terdiri daripada Austria, Britain, Belanda, Jerman Barat dan Yugoslavia turut bertanding.

Di samping terdapat penyertaan pesilat-pesilat dari Jepun, Australia, Surinam, di samping negara-negara Asean — Brunei, Indonesia dan Malaysia serta tuan rumah, Singapura.